

BAB 1

TEORI KEPIMPINAN SECARA UMUM

Kajian kepimpinan merupakan satu subjek yang amat menarik dan berguna kepada manusia. Persoalan mengenai kepimpinan diperkatakan di mana-mana dan merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia di muka bumi. Sememangnya pemimpin amat ramai, tetapi pemimpin yang membawa perubahan yang baik kepada kehidupan manusia di dunia ini amat wajar untuk dikaji dan dicontohi.

Menurut Imam Abul-Hassan al-Mawardi dalam kitabnya *Al-Ahkamu's Sultaniyyah*, kepimpinan yang baik adalah mempunyai syarat-syarat yang tertentu seperti, adil, mempunyai ilmu pengetahuan, sempurna pancaindera, tidak cacat, mempunyai kemampuan berfikir, keberanian dan kekuatan serta berketurunan mulia. Justeru itu, dalam hubungan mengenai persoalan menentukan pemimpin, syarat-syarat di atas hendaklah diambil kira dalam pemilihan supaya dapat melahirkan kepimpinan yang baik.¹

Menurut Kamus Dewan, definisi kepimpinan ialah keupayaan seseorang itu memimpin.² Daripada satu sudut yang lain pula kepimpinan didefinisikan sebagai 'setiap tindakan yang menumpukan sumber-sumber ke arah matlamat

¹ Imam Abul-Hassan Al-Mawardi, 1985. *Al-Ahkamu's Sultaniyyah*, Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah, hlm.7.

² *Kamus Dewan*, 1994. Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1038.

yang benar-benar bermanfaat'.³ Daripada sudut sejarah pula, kepimpinan itu digambarkan sebagai amat penting dan wujud dalam mana-mana jua masyarakat, baik masyarakat yang kecil ataupun yang besar. Melalui kepimpinanlah, sesebuah masyarakat itu boleh mencapai kemajuan ataupun kemunduran. Justeru itu, kepimpinan telah timbul sebagai kegiatan manusia yang amat diperlukan dalam masyarakat dengan lahirnya unit pertama daripada kumpulan manusia, iaitu sistem kekeluargaan yang kemudiannya telah membentuk sesebuah masyarakat dan seterusnya negara.⁴

Seseorang pemimpin adalah seorang penganjur yang mempunyai pelbagai sifat yang penting yang membezakan mereka daripada manusia lain dalam masyarakatnya. Mereka dianggap manusia yang agung dalam masyarakat, bangsa dan negaranya. Tokoh itu dianggap agung kerana mempunyai sifat-sifat terpuji yang diterima oleh anggota masyarakatnya; mereka menjadi pemimpin dan masyarakatnya pula sebagai pengikut.⁵

Dengan kata lain, seseorang manusia agung ialah seorang individu yang telah mencorakkan zamannya atau mencipta sejarah bagi zamannya dengan kekuatan pemikiran, idea, keberanian, keikhlasan, kebajikan dan kesungguhannya sebagai pemimpin masyarakatnya. Dengan sifat-sifatnya itu, dia dapat memimpin masyarakatnya dan meletakkan masyarakat dan zamannya ke tahap pencapaian tamadun manusia sejagat. Pencapaiannya pula kadangkala

³ Ismail Noor, 2000. *Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W Pengurusan Altruistik Model Ikutan Sepanjang Masa Perbandingan Silang Dengan Kepimpinan dan Pengurusan Semasa*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 4.

⁴ Mustaffa Suhaimi, 1993. 'Kelayakkan Pemimpin Menurut Al-Quran', *Mastika* Julai 1993, Utusan Melayu, (Malaysia) Bhd., Utusan Printcorp, hlm. 48.

⁵ Ramlah Adam, 1999. *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. xi.

mempengaruhi zaman berikutnya sehingga ia dapat mencorakkan keunggulan zaman yang lain dan masyarakat lain. Tokoh-tokoh seperti ini merupakan tenaga sosial yang telah dapat merubah bentuk dunia dan pemikiran masyarakat.⁶

Kepimpinan di dalam Islam dikenali sebagai '*khilafah*', '*imamah*' dan Amirul Mukminin. *Khilafah* dan *imamah* merupakan dua perkataan yang menunjukkan orang yang menggantikan satu jabatan yang sama. *Khilafah* dari segi bahasa ialah menggantikan sesuatu sama ada yang menggantikan itu hilang, luput, mati dan uzur. Daripada segi istilah, *khilafah* merupakan kepemimpinan am dalam urusan agama dan dunia sebagai pengganti peribadi Rasulullah S.A.W.⁷ Selain itu, *Al-Imam*, *Al-Qaid*, *Al-Qiyadah*, *Al-Zaim*, *Al-Riyah*, *Al-Ra'un*, *Al-Rais* dan *Al Sayyid* juga adalah merujuk kepada konsep ketua atau kepemimpinan.

Konsep kepemimpinan dalam Islam tidak dapat dipisahkan dalam ajaran Islam seluruhnya. Ia adalah sebahagian dari syariat yang diturunkan oleh Allah kepada Rasulnya Nabi Muhammad S.A.W.⁸ Konsep kepemimpinan dalam Islam sebenarnya mempunyai pengertian yang luas. Ini adalah kerana setiap manusia yang dilahirkan di dunia ini telah dijadikan oleh Allah S.W.T. sebagai pemimpin iaitu pemimpin dari peringkat bawahan ke peringkat tertinggi sebagai ketua keluarga, ketua masyarakat, ketua institusi seterusnya ketua negara.⁹

⁶ Ramlah Adam, 1999. *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. xi.

⁷ Dr. Hassan Ibrahim, 1964. *Tarikh Al-Islam Al-Siyabi Wa Al-Dini Wa Al-Thaqafi Qa Al-Ijtimak*, Juzuk 1, hlm. 428.

⁸ Mustafa Abdul Kadir, 1987. 'Kepimpinan Dalam Islam' Dalam Seminar Kebangsaan Mengenai Aspek Kepimpinan, Kuala Lumpur, hlm. 30.

⁹ Othman Sipol, 1969. 'Kepimpinan Di Dalam Falsafah Islam', Kumpulan Kertas Kerja Kepimpinan, Organisasi, Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur, hlm. 53.

Sehubungan dengan itu, di dalam Islam konsep mengenai kepimpinan amat mudah dan tegas sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

Hadis Ibnu Umar R.A: diriwayatkan daripada Nabi S.A.W. katanya, baginda telah bersabda: Kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua akan bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin. Seorang pemerintah adalah pemimpin manusia dan dia akan bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Seorang suami adalah pemimpin bagi ahli keluarganya dan dia akan bertanggungjawab terhadap mereka. Manakala seorang isteri adalah pemimpin rumahtangga, suami dan anak-anaknya. Dia akan bertanggungjawab terhadap mereka. Seorang hamba adalah penjaga harta tuannya dan dia juga akan bertanggungjawab terhadap jagaannya. Ingatlah kamu semua adalah pemimpin dan akan bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin.¹⁰

Hakikat kepimpinan yang dibentangkan oleh Rasulullah S.A.W. ini menunjukkan umat Islam seluruhnya adalah pemimpin, baik secara individu atau kumpulan. Berdasarkan kepada hadis kepimpinan ini, kita dapat melihat dengan jelas maksud pemimpin iaitu, umat Islam keseluruhannya adalah pemimpin dan setiap individu umat Islam itu adalah pemimpin kepada umat Islamnya yang lain menurut kemampuan dan bakat masing-masing. Akhir sekali setiap manusia wajib menjadi pemimpin terhadap dirinya sendiri.

¹⁰ Sahih Muslim, 1972. *Bi Syarah Al-Nabawi*, Juzuk 12, Beirut: Dar Al-Fikr, hlm. 213.

Justeru itu dalam kebangkitan tamadun Islam, terdapat beberapa orang pemimpin yang boleh dijadikan contoh sebagai tokoh pemimpin yang berkaliber dan unggul. Antaranya Nabi Muhammad S.A.W. adalah merupakan tokoh yang paling terkemuka. Baginda telah diutuskan oleh Allah S.W.T. untuk menjadi khalifah manusia di muka dunia ini. Dengan sebab itu baginda dikurniakan dengan sifat-sifat yang terbaik dan direstui oleh Allah. Ini bukan sahaja untuk memberi justifikasi kepada statusnya sebagai Nabi dan Rasul Allah, tetapi juga untuk menjadi iktibar, panduan dan rujukan umat manusia untuk hidup berpolitik dan bermasyarakat secara wajar. Baginda adalah merupakan 'role-model' kepada umatnya ataupun simbol keagungan ummah. Pengaruh kepimpinan beliau juga telah diiktiraf oleh cendekiawan Barat sebagai pemimpin yang agung.

Sifat-sifat mulia Nabi Muhammad S.A.W. yang melambangkan baginda adalah seorang pemimpin yang agung iaitu *Siddiq, Amanah, Tabaligh* dan *Fatanah*. Baginda juga adalah seorang yang adil, mempunyai budi pekerti yang mulia, sentiasa berjuang mempertahankan kesucian Islam, menghormati kewujudan bangsa lain walaupun menjadi pemerintah Islam, sentiasa menegakkan ketelusan pentadbiran dan bertimbang rasa serta bertawakkal kepada Allah. Justeru itu, boleh dirumuskan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. adalah seorang yang berperwatakan dan berperibadi cemerlang, mempunyai

akhlak yang tinggi dan terpuji serta mempunyai kesesuaian antara percakapan dengan perbuatannya dan kebijaksanaannya terserlah dalam segala tindakan.¹¹

Nabi Muhammad S.A.W. sentiasa mengamalkan sistem *syura* dan selalu bermusyawarah dengan para sahabat yang terdiri daripada kalangan cerdik pandai, berpengalaman dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan pentadbiran. Ini dapat dibuktikan apabila baginda telah membahagikan tugas kepada para sahabat mengikut kepandaian masing-masing. Dalam organisasi pentadbirannya baginda membentuk sebuah majlis mesyuarat yang terdiri daripada golongan Ansar dan Muhajirin.¹² Ini adalah kerana tugas sebagai seorang *imamah* atau pemimpin umat manusia dalam konteks keduniaan dan agama adalah berdasarkan kepada permesyuaratan. Kitab Al-Quran menyentuh perkara ini dalam surah Al-Imran yang bermaksud:

.... dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu...¹³

Dan dalam Surah As-Syu'ara yang bermaksud:

...sedang urusan mereka (diputuskan) dengan mesyuarat antara mereka...¹⁴

¹¹ Datuk Dr. Ismail Ibrahim, 1999. Ketua Pengarah IKIM, 'Kejayaan Pemimpin', *Utusan Malaysia*.

¹² Ahmad Ibrahim Abu Sin, 1991. *Pengurusan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 176.

¹³ Surah Al-Imran, ayat 159.

¹⁴ Surah As-Syu'ara, ayat 38.

Nabi Muhammad S.A.W. telah melaksanakan tugasnya sebagai pesuruh Allah dengan sempurna selama dua puluh tiga tahun. Al-Quran dari Surah Al-Anbia menegaskan bahawa tiada siapa pun yang boleh mengambil alih tugas pembawa rahmat ke seluruh alam itu.

... dan tiadalah kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi kaum yang menyembah (Allah).¹⁵

Oleh yang demikian, Nabi Muhammad S.A.W. boleh dianggap sebagai seorang negarawan, hakim, imam, peniaga, panglima, bapa, pekerja dan pendakwah. Manakala personaliti baginda pula tiada tolok bandingannya sama ada zaman sebelumnya, sezamannya atau zaman selepasnya. Justeru itu, tidak hairanlah jika baginda dijadikan contoh ikutan manusia sejagat.

Selepas kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W., khalifah pula telah mengambil alih tugas menjadi pemimpin sebagai pengganti Nabi Muhammad S.A.W. Empat orang khalifah pertama Islam yang meneruskan tugas kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai ketua atau pemimpin negara dan umat Islam ialah Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Saidina Umar Al-Khattab, Saidina Uthman bin Affan, dan Saidina Ali bin Abi Talib. Mereka digelar sebagai *Khulafa Ar-Rashidin* atau khalifah-khalifah yang dipimpin kerana kepimpinan mereka benar-benar mengikut cara Nabi Muhammad S.A.W. dalam setiap aspek pemerintahan.

¹⁵ Surah Al-An'biyaa, ayat 107.

Saidina Abu Bakar As-Siddiq adalah merupakan khalifah yang pertama dalam zaman *Khulafah Al-Rashidin*. Beliau telah memegang jawatan khalifah pada saat yang paling kritikal dalam sejarah perkembangan Islam. Kepimpinan beliau adalah unggul kerana telah berjaya membentaras setiap penyelewengan agama, pemberontakan, gerakan nabi-nabi palsu, golongan murtad dan golongan yang enggan membayar zakat. Dengan ketegasan dan keimanannya yang padu, khalifah Abu Bakar telah menyambung kehidupan Islam selepas zaman Nabi Muhammad S.A.W. Beliau telah berjaya membasmi perpecahan umat Islam dan telah berjaya membentuk kesatuan ummah Islam yang padu dan sekaligus telah berjaya mengembalikan kestabilan kerajaan Islam yang disempurnakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Malah beliau layak digelar sebagai penyelamat kerajaan Islam.

Khalifah Umar Al-Khattab pula, adalah merupakan khalifah yang kedua. Beliau telah dilantik sendiri oleh Khalifah Abu Bakar As-Siddiq. Beliau adalah seorang pemimpin dan pentadbir yang amat cekap, bijak dan banyak melaksanakan pembaharuan dalam pentadbiran negara Islam. Dalam zaman pemerintahannya, beliau telah berjaya memperluaskan wilayah Islam dan membebaskan rakyat yang ditindas oleh penjajahan Parsi dan Rom. Beliau telah memperkenalkan sebanyak 41 buah pembaharuan yang berdasarkan Al-Quran dan Hadis dan digelar *Awliat-I-Umar*. Profesor K. Ali, menganggapnya adalah contoh pemimpin Islam yang unggul dalam seluruh sejarah Islam.

Seterusnya khalifah Uthman bin Affan adalah merupakan khalifah yang ketiga. Beliau dilantik sebagai khalifah kerana terkenal sebagai seorang pemimpin yang lembut, bertoleransi, pemaaf, mudah berbicara dan mendapat sokongan penuh dari kalangan keluarganya iaitu Bani Umayyah. Sepanjang pemerintahannya, beliau telah meneruskan segala dasar yang ditinggalkan oleh khalifah Umar Al-Khattab. Beliau telah memerintah selama 12 tahun. Kepimpinan unggul yang ditunjukkan oleh beliau telah menyebabkan pemerintahannya bertahan lama.

Khalifah Ali bin Abi Talib adalah khalifah yang terakhir dalam zaman *Khulafa Al-Rashidin*. Beliau telah dipilih sebagai pemimpin kerana sifat-sifat yang ada padanya yang telah dididik dengan adab, kesopanan dan budi pekerti Islam semenjak kecil. Malah Saidina Ali juga mempunyai pengetahuan agama yang luas kerana beliau adalah orang yang paling rapat dengan Nabi Muhammad S.A.W. dan merupakan hakim yang terbaik di kalangan khalifah-khalifah. Menurut Abdullah bin Mas-ud pula, keputusan-keputusan yang dibuat oleh Ali adalah yang paling tepat kerana pengetahuannya yang luas dalam bidang al-Quran dan hadis. Beliau kerap kali menjadi pakar rujuk dalam masalah perundangan Islam dan sering memperbetulkan keputusan-keputusan sahabat-sahabat utama Nabi Muhammad S.A.W, seperti Abu Bakar dan Umar Al-Khattab.

Tugas seseorang Khalifah sebagai pengganti Nabi hanyalah dalam urusan pentadbiran negara dan hal-hal yang bersangkutan dengan hukum-hukum agama yang sesuai dengan ketentuan-ketentuan hukum Islam itu sendiri supaya

terjamin kepentingan penghidupan manusia, baik di dunia mahupun di akhirat. Mereka tidak mempunyai kuasa dari segi risalah atau *nubuwah* kerana Nabi dan Rasul adalah dilantik oleh Allah sedangkan perlantikan khalifah adalah dibuat oleh manusia sendiri. Seseorang khalifah tidak membawa ajaran-ajaran yang baru dari Allah tetapi ia hanya menjaga dan mengawasi pelaksanaan agama Allah itu sebagaimana yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Khalifah juga berkewajipan untuk menjaga dan mengawasi agar terlaksananya keadilan, keamanan dan ketenteraman dalam segala aspek kehidupan manusia yang sepatutnya wujud di dalam sesebuah negara Islam. Khalifah ialah orang yang mempunyai kuasa untuk menguruskan soal-soal agama dan perundangan Islam dalam sesebuah negara Islam. Mereka adalah pemerintah negara dan penaung agama, yang telah diamanahkan untuk melaksanakan syariat Islam dalam segala aspek kehidupan bermasyarakat.

Dalam zaman pemerintahan mereka, sistem perundangan Islam telah diimplementasikan dengan sempurna dan berkembang luas. Mereka merupakan pemimpin yang ideal yang memimpin umat Islam ke arah kebenaran dan melaksanakan kewajipan mereka dengan penuh amanah.

Justeru itu, dengan menilai kesemuanya ini, ternyatalah bahawa kepimpinan dalam Islam adalah satu kepimpinan yang berteraskan kepada hukum dan perintah Allah S.W.T. dengan berpandukan kepada Al-Quran dan Hadith serta Sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Mereka bertanggungjawab di atas amanah yang harus dipikulnya sebagai pemimpin iaitu untuk menjaga, memelihara dan memandu pengikutnya dengan ilmu yang tinggi, mempunyai

sifat-sifat dan moral yang terpuji dan bersih, menegakkan jalan dengan kebenaran, mendahulukan kebajikan umat dan pengikutnya serta menjadi penjamin keselamatan mereka.¹⁶

Dalam *Sejarah Melayu*, ciri-ciri kepimpinan yang sama dituntut daripada para pemimpinnya. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai tiga orang sultan yang boleh dijadikan contoh sebagai pemimpin yang berkaliber dan unggul semasa pemerintahan mereka. Pertama kita lihat Sultan Muzaffar Syah yang telah diberi pengiktirafan oleh penulis *Sejarah Melayu* dan Tome Pires sebagai seorang sultan yang adil dan saksama.

Sejarah Melayu menyifatkan Sultan Muzaffar Syah seperti berikut:

Adalah Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan terlalu baik fi'il baginda, dengan adil dan murah dan saksama pada memeriksa rakyat dan ia menyuruh membuat undang-undang supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya.¹⁷

Petikan di atas membuktikan bahawa ciri-ciri kepimpinan yang dituntut sebagai seorang pemimpin ada dalam diri Sultan Muzaffar Syah. Baginda adalah seorang yang berperwatakan baik dan mulia peribadinya serta telah mentadbir negaranya dengan adil. Baginda adalah seorang yang pemurah terutama pada

¹⁶ Andek Masnha Andek Kelawa, 1999. *Kepimpinan Wanita Dalam Islam Kedudukannya Dalam Syariah*, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 36-42.

¹⁷ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam '*Sejarah Melayu*' MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 134.

rakyat jelata. Untuk memastikan keadilan dalam segala tindakan yang akan dikenakan ke atas sebarang kesalahan yang dilakukan oleh rakyatnya, baginda telah membuat undang-undang yang adil.

Tome Pires turut memuji Sultan Muzaffar Syah di dalam *Suma Oriental* iaitu:

Kata mereka baginda adalah raja yang lebih baik daripada raja-raja yang terdahulu.... Baginda tokoh yang adil, menumpukan perhatian terhadap pembangunan Melaka, baginda membeli dan membina jong-jong dan menyuruh saudagar pergi berdagang...¹⁸

Petikan di atas adalah menunjukkan bahawa Sultan Muzaffar Syah adalah seorang sultan yang lebih mementingkan pembangunan Melaka. Baginda telah membeli dan membina jong-jong dan telah menyuruh saudagar pergi berdagang ke negeri-negeri yang lain. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya Melaka telah muncul sebagai sebuah pusat perdagangan yang terbesar di Asia Tenggara kerana baginda sendiri telah berusaha dengan menggalakkan kegiatan perdagangan di Melaka memandangkan Melaka adalah laluan perkapalan antara China dan India.

Sejarah Melayu juga ada menyebut bahawa baginda sanggup menceraikan isterinya Tun Kudu untuk diperisterikan oleh Tun Ali semata-mata untuk mengeratkan hubungan Tun Perak dan Tun Ali. Ini adalah kerana Tun Ali

¹⁸ *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur, hlm. 104.

telah diturunkan daripada jawatan Bendahara dan Tun Perak telah menggantikan tempatnya. Untuk memastikan politik istana stabil dan tidak berpuak-puak, baginda sanggup melepaskan isterinya semata-mata untuk menjaga hati Tun Ali. Tindakan baginda ini adalah bijaksana kerana Tun Kudu adalah kakak Tun Perak dan sudah tentulah Tun Ali tidak merasa iri hati kerana Tun Perak itu adik iparnya. Di sini telah terbukti bahawa Sultan Muzaffar Syah merupakan seorang pemimpin yang bijaksana.¹⁹

Apabila Sultan Muzaffar Syah mangkat, puteranya Raja Abdullah menaiki takhta kerajaan Melaka bergelar Sultan Mansur Syah. Menurut Tome Pires:

Mamsursa (Mansur Syah) mula memerintah dengan bijaksana di atas kerajaannya, bermesyuarat dengan orang-orang tua untuk pemerintahan yang baik dalam perkara-perkara keadilan serta keselamatan negeri. Baginda juga menyatukan rakyatnya.²⁰

Petikan di atas adalah menggambarkan pemerintahan Sultan Mansur Syah di Melaka. Baginda adalah merupakan Sultan yang bijaksana dalam membuat segala tindakan. Di dalam pentadbirannya, baginda amat mementingkan perbincangan diadakan terlebih dahulu dengan para pembesar terutama Bendahara sebagai penasihat yang utama sebelum membuat sesuatu

¹⁹ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam 'Sejarah Melayu' MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 139.

²⁰ *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur, hlm. 105.

keputusan. Baginda juga sentiasa memastikan agar negeri Melaka terselamat daripada ancaman luar.

Sejarah Melayu juga ada menyebut:

Adapun engkau, hendaklah baik memelihara hambahmu sekalian. Barang salahnya hendaklah banyak ampunmu akan dia, kerana firman Allah Ta'ala: 'Innalillaha ma'assabirin'. Syahdan jikalau datang sesuatu pekerjaanmu, hendaklah engkau sangat-sangat menyerahkan dirimu ke hadrat Allah, karena sabda nabi: 'Min tawakkal 'alalLahi kafi'. Hei, anakku, turut seperti ini, nescaya adalah engkau berkat diberi Allah Ta'ala dan berkat Nabi SallalLahu 'alayhi wasallam'.²¹

Petikan *Sejarah Melayu* di atas menunjukkan ciri-ciri kepimpinan unggul yang ada dalam diri Sultan Mansur Syah. Pesanan baginda sebelum mangkat kepada Sultan Alauddin sebagai penggantinya di atas takhta jelas menunjukkan bahawa sebagai seorang pemimpin yang baik, Sultan Alauddin mestilah menjaga kebajikan rakyatnya dan bersifat pengampun terhadap rakyatnya, serta sentiasa bertawakkal kepada Allah S.W.T.

²¹ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam '*Sejarah Melayu*' MS. Raffles No.18, *MBRAS*, Kuala Lumpur, hlm. 196.

Sultan Alauddin Riayat Syah juga telah menasihati puteranya Sultan Mahmud Syah, yang akan menggantikan baginda sebagai Sultan Melaka dengan kata-kata seperti ini:

Adapun engkau, hai anakku, Muhammad (nama tubuh Sultan Mahmud Syah), hendaklah banyak-banyak ampunmu akan segala hamba sahayamu, dan baik-baik peliharamu akan dia, kerana firman (Allah), Inna Ilahu ma'a'sabirina, 'yakni Allah beserta dengan segala yang sabar. Jikalau datang padamu dua perkara, yakni pekerjaan dunia, maka dulukan olehmu pekerjaan Allah, tinggalkan pekerjaan dunia dan hendaklah engkau sangat-sangat menyerahkan dirimu kehadiran Allah taala. Dan segala Melayu itu tanahmu, seperti kata Arab, 'Al-'abdu tinatu 'Imaulahu' ertinya yang hamba itu tanah Tuhannya. Jikalau kau bunuh ia dengan tiada dosanya, bahawa kerajaanmu binasa. Hai anakku, hendaklah engkau turut dan ingatkan wasiatku ini, dan engkau kerjakan supaya berkat engkau diberi Allah subhanahu wataala.²²

Kata-kata Sultan Alauddin Riayat Syah ini telah cukup mencerminkan bahawa baginda adalah seorang pemimpin yang berkaliber dan unggul. Semasa baginda di atas takhta, baginda telah cuba mengisi segala tuntutan dan

²² W.G. Shellabear, 1977. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya, Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 138.

tanggungjawab seorang pemimpin. Akhirnya, baginda telah dikenali sebagai seorang sultan yang adil, mementingkan kesejahteraan rakyatnya dan sentiasa memerintah mengikut lunas-lunas dan tuntutan Allah S.W.T. Ingatan kepada anaknya yang dianggap sebagai wasiat sememangnya mencerminkan tanggungjawab bapa kepada anaknya yang akan menjadi khalifah Melaka yang menggunakan Islam sebagai wadah pentadbirannya.

Di dalam wasiat Sultan Alauddin Riayat Syah kepada anaknya itu, kita dapati bahawa terdapat beberapa sifat pemimpin yang baik iaitu, pemimpin hendaklah mengampunkan kesalahan rakyatnya dengan mudah yang bermaksud bahawa seseorang pemimpin itu hendaklah mempunyai sifat belas kasihan dan simpati yang amat tinggi. Malah seseorang pemimpin juga hendaklah sentiasa memelihara kebajikan rakyatnya iaitu mestilah peka dengan keadaan semasa. Pemimpin juga mestilah mempunyai sifat kesabaran yang tinggi dan yang paling utamanya ialah mendahulukan segala perintah Allah S.W.T. Seterusnya, seseorang pemerintah itu tidak harus membunuh rakyat yang tidak berdosa. Jika bangsa Melayu dibunuh, maka akan rosaklah negara kerana kerajaan Melayu itu wujud setelah 'dirajakan' oleh rakyatnya.

Ternyata kesemua sifat-sifat ini adalah memenuhi tuntutan untuk menjadi seorang pemimpin besar dalam masyarakat Melayu yang berlandaskan kepada ajaran Islam. Dengan erti kata yang lain, seseorang pemimpin itu mestilah menjaga kepentingan bangsa dan negaranya dengan sebaik-baiknya. Inilah konsep pemikiran Melayu 'Raja Adil Raja Disembah, Raja Zalim Raja Disanggah'.

Para sarjana barat juga mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai ciri-ciri kepimpinan. Plato adalah merupakan seorang ahli falsafah dunia yang mula membezakan kebolehan seseorang individu. Baginya dalam sesebuah masyarakat terdapat individu yang mempunyai kebolehan berfikir lebih baik daripada orang lain. Ini bererti Plato telah meletakkan asas yang penting dalam konsep kepimpinan. Baginya memerintah dan mengarah negara adalah tugas yang sukar tetapi penting. Maka kepimpinan mestilah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Untuk itu kepercayaan mestilah diberikan kepada orang yang mempunyai keupayaan yang lebih untuk melaksanakannya. Orang ini akan memberi sepenuh perhatian kepada tugas-tugas pemerintahan dan menjalankan tugas-tugas pentadbiran biasa yang memerlukan keupayaan teknikal dan perhatian, disamping menetapkan piawai moral masyarakat.²³

Menurut pendapat Koontz dan O'Donnel:

kepimpinan secara amnya adalah semata-mata bermakna pengaruh iaitu satu seni atau proses mempengaruhi orang supaya mereka dapat berusaha secara sukarela ke arah pencapaian matlamat bersama.²⁴

²³ Aminudin Mohd. Yusof, 1970. *Siri Analisis Arikologi Kepimpinan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 53.

²⁴ Koontz, Harold dan O'Donnel, 1976. *Management: System and Contingency Analysis of Managerial Functions*. New York: Mc Graw-Hill, hlm. 587.

Pendapat Koontz dan O'Donnel di atas adalah bermaksud bahawa kepimpinan adalah merupakan satu proses mempengaruhi, kerana tanpa pengaruh, maka tidak akan wujud konsep kepimpinan. Ia adalah merupakan satu proses yang berterusan, bukan hanya dilaksanakan atau diamalkan apabila keadaan terdesak dan apabila timbul krisis sahaja tetapi adalah bertujuan untuk mencapai matlamat secara bersama.

Gordon pula memberi definisi seperti berikut:

Kepimpinan dapat dilihat sebagai proses interaksi di antara individu dengan kumpulan, atau secara khususnya diantara individu dengan keseluruhan ahli-ahli yang menganggotai sesuatu kumpulan. Setiap yang terlibat dalam proses interaksi ini boleh dianggap memegang watak-watak tertentu yang berbeza di antara satu dengan yang lain. Asas yang membezakan tadi ialah pengaruh, iaitu pemimpin mempengaruhi dan pengikut mematuhi atau akur.²⁵

Berdasarkan kepada petikan di atas Gordon pula memberikan pendapat bahawa kepimpinan adalah merupakan suatu proses interaksi di antara individu dengan semua ahli dalam kumpulan iaitu pemimpin mestilah mempengaruhi para pengikutnya manakala pengikutnya pula mestilah mematuhi ataupun akur segala arahannya.

²⁵ Gordon Thomas, 1955. *Group-Centered Leadership*, New York: Houghton Mifflin, hlm. 51.

Definisi ringkas yang dijelaskan oleh Fulmer ialah:

Kepimpinan melibatkan kedua-dua keupayaan atau kekuatan untuk meyakinkan orang lain bagi bekerja keras ke arah sesuatu matlamat dan kemahiran atau kebolehan untuk membantu mereka mencapainya.²⁶

Menurut Hollander:

Kepimpinan adalah satu proses pengaruh mempengaruhi di antara pemimpin dengan pengikut. Walaupun pemimpin mempunyai kuasa, tetapi kekuatan pengaruh lebih bergantung kepada pujukan daripada paksaan. Proses kepimpinan selalunya melibatkan pertalian pengaruh yang bersifat dua arah dan tujuan utama ialah untuk mencapai matlamat bersama. Jadi, kepimpinan bukan hanya tanggungjawab pemimpin tetapi memerlukan usaha kerjasama daripada pengikut-pengikutnya.²⁷

Pendapat Hollander di atas adalah bermaksud bahawa kepimpinan adalah merupakan satu proses yang saling mempengaruhi di antara para pemimpin dan pengikutnya. Walaupun seseorang pemimpin mempunyai kuasa tetapi kekuatan pengaruhnya adalah lebih bergantung kepada pujukan dan bukannya secara

²⁶ Fulmer, Robert M., 1976. *Supervision: Principle of Profesion Management*, California: Glencose Press, hlm. 276.

²⁷ Hollander, Edwin P., 1978. *Leadership Dynamics*, New York: Free Press, hlm. 1-2.

paksaan. Ini adalah kerana proses kepimpinan adalah melibatkan pertalian pengaruh yang bersifat dua arah dan tujuan utama sebenarnya untuk mencapai matlamat secara bersama. Justeru itu, kepimpinan ini bukan hanya tanggungjawab seorang pemimpin tetapi memerlukan kerjasama daripada semua pengikutnya.

James Gribben mendefinisikan kepimpinan seperti berikut:

Kepimpinan dapat dijelaskan sebagai satu proses mempengaruhi ke atas kumpulan dalam situasi dan masa yang khusus yang dapat merangsang mereka untuk berusaha secara rela hati bagi mencapai matlamat bersama.²⁸

Pendapat James Gribben di atas pula bermaksud bahawa, kepimpinan juga merupakan satu proses yang mempengaruhi ke atas semua ahli kumpulan dalam sesuatu situasi dan masa yang khusus iaitu dapat merangsang mereka untuk berusaha secara sukarela yang bertujuan untuk mencapai matlamat bersama.

Thomas Carlyle, seorang sarjana Amerika melihat pemimpin masyarakat sebagai:

Men of light and leading, mortals superior in power, courage and understanding... They are

²⁸ James Gribben, 1972. *Effective Managerial Leadership*, American Management Association: New York.

*followed, admired and obeyed to the point of worship.*²⁹

Pendapat Thomas Carlyle di atas menunjukkan bahawa seseorang pemimpin itu mestilah berpandangan jauh ke hadapan iaitu mempunyai pemikiran yang terkehadapan berbanding orang bawahannya. Malah seseorang pemimpin itu juga perlulah mempunyai sifat keberanian, kekuatan dan kefahaman yang lebih baik berbanding dengan orang bawahannya dalam masyarakat yang dipimpinnya. Sekiranya, ciri-ciri kepimpinan ini ada dalam diri seseorang pemimpin maka mereka akan dihormati dan dipuji serta mempunyai ramai pengikut dalam sesebuah masyarakat.

John Stuart Mills, seorang sarjana Inggeris pula melihat pemimpin itu sebagai:

*greatman as one who would restore independence and originality to high place in a society that was rapidly submitting to collective thinking.*³⁰

Iaitu, seseorang pemimpin itu mestilah mempunyai keberanian dalam membuat sesuatu keputusan bagi masyarakatnya dan ini akan membuktikan kebolehan beliau sebagai seorang ketua eksekutif. Malah pemimpin juga sepatutnya mempunyai pemikiran yang bebas ataupun minda yang terbuka apabila kritikan diberikan kepada kepimpinannya. Untuk menjadi seorang

²⁹ E.E, Jenwing, 1972. *An Anatomy Of Leadership Princes, Heroes and Supermen*, New York: McGraw-Hill Paperbacks, hlm. 4-8.

³⁰ *Ibid.*, hlm. 4-8.

pemimpin yang baik, seseorang itu haruslah memenuhi tuntutan ciri-ciri kepimpinan yang berkaliber dan unggul.

William James, seorang sarjana Amerika pula mengatakan pemimpin itu sebagai:

*leaders must have situations or movements that will bring their genius to the fore, and without this, many great men remain unknown.*³¹

Pandangan William James ini menunjukkan kepada kita bahawa, untuk menonjolkan kepimpinan seseorang itu, mereka perlulah mempunyai peristiwa yang tertentu. Malah beliau juga berpendapat tugas seseorang pemimpin ini ialah untuk membantu masyarakatnya menyelesaikan sesuatu masalah dengan idea yang bernas dan bijak. Seorang pemimpin itu juga, bagi beliau adalah seorang penganjur yang akan memujuk orang lain untuk melaksanakan ideanya.

Dalam erti kata lain, kewujudan pemimpin adalah untuk menyelesaikan masalah zamannya sehingga ia dapat diiktiraf sebagai pemimpin penting yang diakui oleh masyarakatnya. Tokoh-tokoh seperti ini dikatakan sebagai ejen perubahan masyarakatnya kerana ia berupaya membawa masyarakatnya dari kemunduran kepada pembangunan fizikal, mental, ideologi dan intelektual.

Ahli falsafah Jerman iaitu Hegel telah menganggap pemimpin sebagai manusia agung. Iaitu:

³¹ Ramlah Adam, 1992. *Dato Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. xiii.

Manusia agung sesuatu zaman ini ialah manusia yang dapat menyatakan dengan perkataan kehendak zamannya, memberitahu zamannya apakah kehendaknya itu, dan mencapai apa yang dilakukan adalah punca dan jiwa zamannya. Dia menjadikan zamannya satu kenyataan.³²

Ini bermakna manusia agung ini dapat mengetahui apakah perkara yang diperlukan pada zaman tersebut untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang. Ciri kepimpinan ini akan melahirkan sebuah masyarakat yang berdaya maju ke hadapan dan sudah tentulah pemimpin seperti ini akan menjadikan zaman pemerintahannya sangat penting.

Kesimpulannya, setiap pandangan yang diberikan oleh teori kepimpinan Islam, Melayu dan Barat mengenai ciri-ciri kepimpinan yang baik adalah mempunyai banyak persamaan iaitu seorang pemimpin haruslah mempunyai ciri-ciri seperti, keperibadian dan perwatakan yang baik dan mulia, sikap keberanian dan ketegasan serta kebijaksanaan yang terserlah, berpandangan jauh, berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang dan keadilan dalam pemerintahan serta berjaya menjadikan zamannya zaman yang teragung dan akan dihargai dan disanjung oleh generasi akan datang.

³² Ramlah Adam, 1992. *Dato Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. xiii.